

Sewa kediaman di Kuala Lumpur RM3,192 sebulan

UM 9 Januari 2024 m/s 35

PETALING JAYA: Kadar purata sewa bulanan kediaman di Malaysia tahun lalu sebanyak RM1,975, iaitu lebih sekali ganda berbanding gaji minimum rakyat negara ini sebanyak RM1,500.

Indeks Sewa Rumah Malaysia 2023 yang dikeluarkan oleh JUWAI IQI, Kuala Lumpur merekodkan kadar sewa tertinggi iaitu RM3,192 iaitu lebih dua kali ganda nilai gaji purata, diikuti Selangor, sebanyak RM1,851, juga melebihi gaji minimum.

Kerajaan melaksanakan gaji minimum sebanyak RM1,500 melibatkan majikan yang mempunyai kurang lima pekerja, berkuat kuasa bermula 1 Julai 2023.

Penguatkuasaan di bawah Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 itu melibatkan semua sektor termasuk perladangan, pertanian dan pembuatan kecuali perkhidmatan domestik dan aparentis.

Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Juwai IQI, Kashif Ansari berkata, data itu menunjukkan kadar



AKTIVITI pelaburan antara faktor mendorong kenaikan kadar sewa di Kuala Lumpur yang dijangka terus meningkat pada masa hadapan. - GAMBAR HIASAN

sewa di seluruh Malaysia pada 2023 meningkat sebanyak 5.5 peratus tahun ke tahun.

“Sewa tu sebanyak 7.4 peratus lebih tinggi daripada kadar sewa

semasa fasa terburuk pandemik.

“Pada suku keempat, sewa turun sebanyak 1.2 peratus berbanding suku ketiga, namun ia 5.5 peratus lebih tinggi daripada

pada suku keempat 2022,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Jelasnya, faktor penyumbang kepada kenaikan itu termasuk keseimbangan penawaran-per-

mintaan, variasi bermusim dan aktiviti pelabur.

Beliau menjangkakan, kadar sewa berkenaan akan terus meningkat pada tahun ini terutama di tiga lokasi tumpuan iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Iskandar Puteri didorong oleh kemasukan lebih ramai pelancong dan pelajar antarabangsa serta penyewa bersifat jangka pendek.

Mengulas kadar sewa di Kuala Lumpur dan Selangor, beliau berkata, data itu mendapati, sewa di KL naik 28.4 peratus pada suku keempat 2023, manakala Selangor meningkat 10.7 peratus daripada suku keempat 2022, dan 5 peratus lebih tinggi berbanding suku keempat 2019.

“Pelabur sedang mengkaji data ini dengan teliti, kerana kadar faedah yang tinggi telah menyebabkan pemilikan kediaman jadi lebih mahal, justeru lebih ramai memilih untuk menyewa. Suasana ini boleh mencetuskan persaingan dan kadar sewa yang lebih tinggi,” katanya.